



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TALKING POINT

YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

TINJAUAN DAN MENYANTUNI PEMOHON

BAKUL PRIHATIN NEGARA (20 JULAI 2021)

1. Hari ini saya telah turun padang membuat tinjauan pengurusan Bakul Prihatin Negara dan turut menyantuni 6 orang pemohon dengan menyerahkan sendiri Bakul Prihatin Negara kepada mereka.

2. Tujuan tinjauan dan pemantauan yang dilaksanakan ini bagi melihat sendiri secara dekat proses pengagihan Bakul Prihatin Negara dan juga menyantuni pemohon Bakul Prihatin Negara yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19.

3. Bakul Prihatin Negara ini adalah hasil cetusan idea daripada YAB Perdana Menteri dan telah dilancarkan pada 15 Julai yang lalu sebagai tindak balas proaktif terhadap senario yang dihadapi oleh rakyat pada masa ini yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

4. Program ini merupakan nilai tambah kepada Program Bantuan Bakul Makanan, yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sebagai inisiatif Prihatin Rakyat yang telah diumumkan sebelum ini termasuk di bawah pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dan Pelan Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).
5. Enam (6) orang pemohon yang saya santuni pada hari ini adalah :

1.1) SRIRAM SHANKAR A/L KATHIRA VERRU

Penama merupakan seorang OKU kategori masalah pembelajaran yang tidak bekerja. Beliau tinggal bersama ibu dan bapa yang merupakan warga emas di sebuah rumah teres 2 tingkat yang disewa dengan bayaran RM1,000.00 sebulan. Penama merupakan penerima Bantuan Bulanan OKU Tidak Bekerja sebanyak RM300.00 sebulan.

1.2) NORLIA BINTI ISMAIL

Penama merupakan seorang ibu tunggal dan memaklumkan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan penama tidak berkerja dan agak terkesan kerana tidak mempunyai punca pendapatan. Penama bukan penerima Bantuan Bulanan JKM

1.3) KAMARUDIN BIN KHALID

Penama merupakan duda yang kematian isteri dan mempunyai seorang anak. Penama menerima bantuan Baitulmal sebanyak RM 300.00 sebulan. Penama juga mempunyai penyakit darah tinggi dan kencing manis. Penama bukan penerima **Bantuan Bulanan JKM.**

1.4) MOHD YASIN BIN MOHD HASHIM

Penama merupakan seorang duda kematian isteri dan mempunyai dua orang anak. Kedua-dua anak penama adalah kategori OKU. Penama juga merupakan penerima bantuan Baitulmal bulanan sebanyak **RM 350.00** bagi menampung keperluan harian penama.

1.5) THAVAMATHI A/P ARUMUGAN

Penama tinggal seorang diri dan merupakan guru sandaran. Dalam tempoh PKP penama tidak bekerja dan tidak mempunyai mata pendapatan, penama amat memerlukan bantuan kelangsungan hidup. **Penama bukan penerima Bantuan Bulanan JKM.**

1.6) SHAHARUL ASWAD BIN HAJI RAMLI

Penama merupakan seorang pesakit buah pinggang dan tidak mampu untuk berkerja. Penama hanya mengharapkan sumbangan dari adik beradik sebanyak RM 500.00 sebulan. **Penama bukan penerima Bantuan Bulanan JKM**

6. Sebanyak **RM21** **juta** **telah** **diperuntukkan** **bagi** **pelaksanaan Bakul Prihatin Negara** dengan peruntukan oleh Kerajaan sebanyak **RM 5** **juta** dan sumbangan daripada sektor korporat bernilai **RM 16** **juta** **daripada lima syarikat korporat**. Antaranya ialah **PETRONAS, AEON CO.(M) Bhd, Pharmaniaga Berhad, Tenaga Nasional Berhad** dan **Telekom Malaysia**.
7. Keprihatinan syarikat-syarikat korporat yang telah tampil untuk menyokong usaha menyalurkan bantuan kepada rakyat yang terkesan akibat COVID-19 **amat dihargai** dan **diharap menjadi galakan kepada syarikat-syarikat lain untuk turut menyumbang**. Sumbangan boleh dihulurkan kepada Yayasan Kebajikan Negara.
8. Kerajaan terus cakna dan prihatin terhadap kehidupan rakyat yang terkesan apabila melaksanakan inisiatif terbaru, Bakul Prihatin Negara yang merupakan kerjasama strategik berkonsepkan “Whole of Society” melibatkan Kerajaan dan syarikat korporat dengan pelaksanaan penyampaian bantuan oleh **Sukarelawan Skuad Prihatin Negara** di bawah **kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**. Sehingga 19 Julai 2021 seramai **3487 orang telah berdaftar** sebagai sukarelawan **Skuad Prihatin Negara**.

9. **Sejak permohonan dibuka pada 19 Julai 2021, seramai 1,355 penerima Bakul Prihatin Negara telah disantuni melibatkan 4,467 isi rumah** di beberapa Negeri seperti Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Selangor, Perlis, Kelantan, Kedah, Perak dan Johor.
10. Rakyat Malaysia yang ingin mendapatkan bantuan Bakul Prihatin Negara boleh menghubungi **Bilik Gerakan JKM yang terdapat di 108 daerah di seluruh negara, Talian Kasih di 15999 atau Whatsapp ke 019-2615999**. Mereka juga boleh mengemukakan permohonan bantuan melalui **Media Sosial Rasmi (Facebook/ Instagram KPWK dan JKM)**.
11. Sejak permohonan Bakul Prihatin Negara mula diumumkan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) **telah menerima pertanyaan dan permohonan yang sangat tinggi** daripada pelbagai lapisan masyarakat. Menyedari situasi ini, maka KPWKM telah mengambil inisiatif **menyediakan tiga (3) talian tambahan** untuk memudahkan capaian permohonan seperti berikut:
- (i) 03-8323 2176
 - (ii) 03-8323 2177
 - (iii) 03-8323 2178

12. KPWKM juga turut menyediakan medium permohonan alternatif melalui penggunaan Google Form yang boleh dilayari menerusi talian WhatsApp 017-3729702.
13. Kedua – dua Talian ini akan mula beroperasi pada pukul dua belas (12) tengah hari, 20 Julai 2021.

#MalaysiaPrihatin #PrihatinBersama